

30 JAN 2003

NAM-Mongolia/I

PEMIMPIN MONGOLIA MENUNJUKKAN RESPONS POSITIF TERHADAP NAM

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Para pemimpin Mongolia menunjukkan respons positif terhadap jemputan Malaysia ke sidang kemuncak ke 13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang akan berlangsung di sini dari 20 hingga 25 Feb, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Saya lihat yang (mereka) menunjukkan respons positif dan Presiden (Natsagin Bagabandi) berkata tindakan kita menghantar wakil khas untuk menjemput mereka ke sidang itu sesuatu yang penuh budi bahasa," kata beliau apabila ditanya mengenai lawatannya ke Mongolia minggu lepas untuk menyampaikan surat jemputan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada para pemimpin Mongolia.

Bagaimanapun, Dr Siti Zaharah berkata kehadiran mereka di sidang kemuncak itu akan disahkan oleh Wisma Putra.

Mengenai pertemuannya dengan Presiden Bagabandi dan Perdana Menteri Mongolia Nambur Enkhbayar, Dr Siti Zaharah berkata mereka kagum dengan kemajuan Malaysia.

"Mereka, walaupun beragama Buddha, tengok kita (Malaysia) tidak semacam negara Islam lain. Kita dilihat sebagai negara Islam yang maju, moden, pelbagai kaum dan aman and pemimpin kita bersikap berkecuali," katanya.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin Mongolia itu juga gembira kerana Malaysia telah membantu negara itu melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Semasa pertemuan itu, kedua-dua pemimpin berkenaan juga mahu Malaysia untuk mengkaji semula kesemua memorandum persefahaman dan perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan dua hala.

Sebagai sebuah negara yang mahu mengekalkan status berkecuali dan keamanan, beliau berkata Mongolia berminat untuk turut serta dalam sidang kemuncak itu.

Mongolia memainkan peranan aktif dalam pergerakan itu, khususnya semasa Perang Dingin. Mongolia buat pertama kali menyertai sidang kemuncak NAM sebagai anggota penuh pada 1992.

-- BERNAMA

HS MFJ PR